SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
MESYUARAT RETREAT MENTERI-MENTERI EKONOMI ASEAN (AEM)
KALI KE-27
MESYUARAT VIRTUAL

Bandar Seri Begawan, Selasa, 18 Rejab 1442 / 2 Mac 2021

1. Mesyuarat Retreat Menteri-Menteri Ekonomi kali ke-27 secara rasminya bermula pada hari ini, 2hb Mac 2021, melalui persidangan video. Mesyuarat dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Mesyuarat ini merupakan mesyuarat kali pertama diadakan bagi Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN pada tahun 2021 di bawah Pengerusi ASEAN Negara Brunei Darussalam 2021.

2. Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh Menteri-Menteri Ekonomi dari sepuluh negara-negara anggota ASEAN dan Setiausaha Agung ASEAN Dato Paduka Lim Jock Hoi. Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi).

3. Dengan mengambil kira penularan wabak COVID-19 yang belum lagi reda, Yang Berhormat Dato dalam ucapannya mengongsikan bahawa pemulihan secara menyeluruh akan memerlukan kerjasama yang berterusan dalam agenda integrasi Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), terutama sekali dalam meneliti usaha-usaha ke atas matlamat jangka pendek hingga jangka panjang ke arah pemulihan ekonomi ASEAN.

4. Mesyuarat Retreat yang diadakan selama dua (2) hari ini akan mensahkan sepuluh (10) Hasil Keutamaan Ekonomi yang dicadangkan oleh Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi ASEAN bagi tahun 2021 dengan mengikut tema *"We Care, We Prepare, We Prosper".* Terbahagi kepada tiga (3) teras strategik, Hasil Keutamaan Ekonomi berkenaan antaralain akan memberi tumpuan kepada:

(i) **Pemulihan** rantau ASEAN melalui inisiatif-inisiatif seperti mengemaskini langkah-langkah bukan tarif *(non-tariff measures)* dan memudahcara pelaburan, menyediakan pelan pemulihan bagi sektor pelancongan ASEAN, dan membuka pasaran baru serta kerjasama ASEAN melalui pelancaran perundingan kemungkinan perjanjian perdagangan bebas di antara ASEAN dan Kanada;

(ii) **Digitalisasi** bagi ASEAN yang berdaya tahan dengan memfokuskan kerja-kerja dalam menyediakan persekitaran e-dagang dan ekosistem digital yang selamat, terjamin dan selaras. Ini termasuk inisiatif-inisiatif seperti perjanjian ASEAN mengenai E-Dagang dan pelan tindakan serantau di dalam bidang c*yberspace*; dan

(iii) Usaha-usaha **kedayatahanan** ke arah memajukan pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan lestari, melalui inisiatif seperti pemberian sokongan dan bimbingan kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), pembangunan rangka kerja serantau bagi *Circular Economy* dan kerjasama dalam peralihan tenaga lestari.

5. Mesyuarat juga membincangkan dan memberi panduan mengenai usaha pemulihan Post-COVID-19 di rantau ini termasuk inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan di bawah *ASEAN Comprehensive Recovery Framework*; kemajuan AEC termasuk keutamaan badan-badan sektoral 2021 di bawah bidang kuasa AEM dan Visi Pasca 2025 bagi AEC; hubungan ekonomi luaran ASEAN termasuk perkembangan di dalam meratifikasikan Perjanjian *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)* serta status penyemakan semula *ASEAN-India Trade in Goods Agreement* (AITIGA).

6. Semasa sesi konsultasi bersama *ASEAN Business Advisory Council* (ASEAN-BAC), ASEAN-BAC yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat FDr. Ar. Siti Rozaimeriyanty DSLJ Hj Abd Rahman telah mengambil kesempatan untuk memberi taklimat kepada para Menteri-Menteri mengenai keutamaan dan inisiatif ASEAN-BAC bagi tahun 2021. Antara keutamaan bagi tahun ini adalah projek legasi '*Harnessing Impact for Resilient Employability Digitally (HIRED)*' serta garis tindakan yang akan menyumbang kepada pemulihan ekonomi di rantau ini.

7. Mesyuarat *AEM Retreat* kali ke-27 telah didahului dengan Mesyuarat Persediaan Pegawai-Pegawai Ekonomi Kanan pada 1hb Mac 2021. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Yang Mulia Dr Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, Setiausaha Tetap (Ekonomi) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan telah dihadiri oleh Pegawai-Pegawai Ekonomi Kanan negara-negara anggota ASEAN, pegawai-pegawai dari Sekretariat ASEAN dan pegawai-pegawai dari Bahagian Perdagangan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.